KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG : ANALISIS STRUKTUR DAN TELAAH AMANAT

SHAMSINAH BTE. IBRAHIM

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR
SESI 1988/89

KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG: ANALISIS STRUKTUR DAN TELAAH AMANAT

OLEH

SHAMSINAH BTE. IBRAHIM

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANAMUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI, SELANGOR

1988/89

Pengakuan

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29-3-89

Tarikh

(SHAMSINAH BTE. IBRAHIM)

Tandatangan dan nama calon

PENGHARGAAN

"Bi'smi'llahi'l - Rahmani'r - Rahim"

Syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan taufik, hidayah dan keizinanNya dapat juga saya menyempurnakan latihan ilmiah ini sebagai mana yang direncanakan dari awal hingga akhir.

Di dalam menjayakan usaha ini, pertamanya saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Encik Mohd.Pozi b. Hj. Masurori,** pensyarah di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia yang bertindak sebagai penyelia saya di dalam menyiapkan latihan ilmiah ini. Segala sumbangan, saranan, tunjuk ajar dan budi bicara beliau amat saya hargai dan sanjungi. Hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga saya rakamkan buat yang dikasihi **Abah, Mak** serta **Mak Timah** yang sentiasa mendoakan kejayaan ini, kepada **Abang** yang sentiasa memberikan semangat dan dorongan serta banyak membantu ke arah kemajuan ini, untuk **datuk** dan **nenek** yang tidak sempat melihat kejayaan ini, hanya doa yang dapat diberikan, kepada adik-adik **Jo, Jai, Sal** dan **Tuty** serta jua **anak-anak saudara,** semoga kejayaan ini akan diteruskan oleh kalian.

Akhir sekali ucapan penghargaan dan terima kasih juga dihulurkan buat teman-teman seperjuangan yang banyak membantu sepanjang berada di kampus Bangi ini, terutamanya **Leha, Farid, Ijan, Na, Huda, Norlia, Fathiyah, Mai, Feeza** dan ramai lagi yang tidak tersebutkan. Budi kalian tidak mungkin dilupakan... dan kenangan bersama kalian tetap tersemat di dalam ingatan.

Seterusnya penghargaan buat **Encik Japri b. Abu Bakar** yang sudi menaip latihan ilmiah ini. Terima kasih buat semua. Budi yang baik akan dikenang dan semoga segala yang dilakukan akan mendapat keberkatan dari Allah.

Shamsinah bte. Ibrahim,
No. 6, Rumah Rakyat Ulu Lalang,
71200 Rantau,
Negeri Sembilan.

K2A - 210,
Kamsis Dato' Onn,
UKM, Bangi.

SINOPSIS

Penelitian ini bertujuan untuk menganalisis struktur dan amanat di dalam *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*. Dengan menggunakan Pendekatan Struktural, penulis menganalisis hubungan di antara unsur-unsur yang membina karya ini. Unsur-unsur tersebut ialah tema, plot, watak, latar, sudut pandangan dan gaya bahasa. Penulis turut membincangkan kepentingan setiap unsur tersebut. Di bahagian amanat, penulis mendapati beberapa amanat yang cuba diketengahkan oleh pengarangnya. Umpamanya unsur-unsur amanat yang positif dapat dijadikan contoh serta tauladan jua unsur-unsur yang negatif dapat dijadikan sempadan oleh para pembaca. Khusus untuk kesimpulan dari hasil penelitian yang telah dilakukan dari bab-bab yang terdahulu, penulis telah menilai unsur-unsur yang membina struktur kaba yang dikaji ini dan melihat kepentingan unsur-unsur ini di dalam pembinaan struktur kaba tersebut.

SYNOPSIS

The objective of this study is to analyse the structure and the "message" (amanat) in the work entitled *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*. Using the structural approach, the writer analyses the theme, plots, setting, views and style that together make this creative work. The writer discusses the importance of each one of these elements. For example, when dealing with the element of "message' this writer feels the author was trying to put emphasis on certain "message" in that his readers may be guided by the positive and negative "message" in leading their lives. This writer has evaluated the elements that build up the structure of the "kaba" and their significance to this structure.

PENGANTAR

Sastera dan masyarakat memang tidak dapat dipisahkan. Sehubungan dengan ini, sastera lama mempunyai hubungan yang amat erat dengan masyarakat. Sastera berbentuk prosa dan puisi ini kemudiannya terus berkembang dari satu generasi kepada satu generasi yang lain sebagai satu sumber pengajaran dan hiburan kepada masyarakat.

Di dalam masyarakat Minangkabau, sastera lisan berbentuk prosa dikenali sebagai kaba. Biasanya kaba disampaikan di dalam bentuk prosa lirik. Kaba Minangkabau yang merupakan hasil kesusasteraan lisan dalam bidang budaya rakyat juga mempunyai pengaruh yang besar sebagai alat menghibur bagi masyarakat Minangkabau.

Pengkaji terhadap bentuk kaba ini didorong oleh rasa tertarik hati penulis kepada bentuk-bentuk kesusasteraan Melayu lama khususnya bentuk-bentuk kesusasteraan yang berasal dari Minangkabau. Sastera masyarakat Minangkabau ini ada kelainannya. Walaupun ia adalah sastera lisan berbentuk prosa namun cerita-cerita ini biasanya disampaikan oleh penglipurlara di dalam bentuk prosa lirik. Selain daripada itu, penghasilan kaba juga mempunyai kaitan dengan adat yang melingkungi kehidupan masyarakat Minangkabau dan ia merupakan ciri yang agak unik di dalam penghasilan kaba.

A. Tujuan Kajian.

Ada beberapa tujuan yang mendorong kajian ini dijalankan iaitu;

i. Untuk melihat kehadiran unsur-unsur yang membentuk struktur kaba ini.

ii. Untuk melihat unsur-unsur amanat dan hubungannya dengan unsur-unsur yang membina karya ini.

iii. Untuk memberikan penjelasan yang lebih mengenai isi kandungan karya yang dikaji.

iv. Melihat kewujudan elemen-elemen tertentu dalam membentuk suatu makna tertentu dengan berdasarkan kepada struktur penceritaan dari setiap aliran genre sastera klasik berbentuk prosa.

v. Menganalisis kewujudan unsur-unsur lain yang turut menghidupkan jalinan cerita dalam karya yang dikaji.

vi Mengkaji bentuk urutan penceritaan yang menjadi dasar penciptaan yang kreatif di dalam kaba.

B. Kajian-Kajian Lepas.

Kajian-kajian terhadap unsur-unsur struktur dan amanat terhadap genre-genre cerita klasik berbentuk prosa telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang terdahulu terutamanya untuk tujuan latihan ilmiah mahasiswa/i di pusat-pusat pengajian tinggi tempatan. Bagaimanapun, pengkajian terhadap unsur-unsur struktur dan amanat yang dilakukan lebih banyak didasarkan kepada kaedah Pendekatan Formalistik. Hanya satu kajian mengenai unsur-unsur struktur dan amanat ini cuba memberikan penekanan kepada kaedah Pendekatan Struktural seperti yang dilakukan oleh;

i. Rosli Md. Dali, "Hikayat Hassan Damsyik : Analisis Struktur dan Telaah Amanat," Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.

Kecenderungan penulis untuk mengkaji aspek struktur dan amanat di dalam kaba ini diharapkan dapat memberikan sedikit sumbangan kepada pengkaji-pengkaji lain untuk mengkaji hasil-hasil kesusasteraan lain yang berasal dari Minangkabau dengan secara lebih terperinci lagi.

C. Persoalan Kajian.

Permasalahan dalampenelitian ini adalah untuk memperlihatkan sejauh manakah struktur kaba ini terdiri dari elemen-elemen yang saling berkaitan dan berhubungan di antara satu unsur dengan satu unsur yang lain. Penelitian juga ditumpukan kepada analisis bagaimana unsur-unsur struktur kaba ini disusun sehingga dapat mendokong unsur-unsur amanat seperti yang cuba diketengahkan oleh pengarang kaba ini. Permasalahan inilah yang cuba digarap oleh penulis di dalam kajian ini.

D. Skop Kajian

Skop pengkajian adalah khusus kepada teks yang dipilih iaitu *Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kanduang* dengan menghadkan kepada analisis terhadap aspek struktur dan amanat. Analisis yang dilakukan adalah didasarkan kepada Pendekatan Struktural kerana kaedah ini dirasakan lebih sesuai dan dapat memenuhi tujuan dan kehendak kajian.

E. Metodologi Yang Digunakan.

Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan kepada kajian perpustakaan. Penyelidikan dijalankan terutamanya di perpustakaan-perpustakaan Tun Seri Lanang, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Jabatan Persuratan Melayu dan Universiti Malaya. Segala bahan rujukan, majalah, makalah, artikel dan jurnal yang dianggap revelen dan bersangkutan dengan kajian ini turut digunakan sebagai rujukan. Bahan-bahan tersebut disaring untuk menentukan ketepatannya sebagai bahan rujukan dan data-data yang didapati darinya diproses dalam bentuk analisis.

KANDUNGAN

		Halaman
PENGHARGAAN		i
SINOPSIS		ii
PENGANTAR		iv
KANDUNGAN		vii
BAB I :	PENGENALAN TEKS DAN DEFINISI	
1.1	Latar-Belakang Sastera Lisan	1
1.2	Kaba Minangkabau	2
1.3	Definisi Struktur Dan Sejarah Perkembangan Pendekatan Struktural Di Dalam Karya-karya Sastera	8
1.4	Definisi Amanat	13
1.5	Pengenalan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduang	15
1.5.1	Latarbelakang Pengarangnya	16
1.5.2	Tarikh Penciptaan	17
1.5.3	Tujuan Penciptaan	17
1.5.4	Perbandingan Dengan Naskhah-Naskhah Lain	18
1.6	Ringkasan Cerita	21
BAB II:	TRANSKRIPSI TEKS KABA TJINDUO MATO DAN BUNDA KANDUANG	28
BAB III:	ANALISIS TEMA DAN STRUKTUR DI DALAM KABA TJINDUO MATO DAN BUNDA KANDUANG	
3.1	Pengenalan	147
3.2	Tema Dan Persoalan	148
3.2.1	Tema Dan Persoalan Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang	149
3.3	Struktur Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduang	156
3.3.1	Plot Cerita	156
3.3.1.1	Plot Cerita Kaba Tjinduo Mato Dan Bunda Kanduang	158
3.3.2	Watak Dan Perwatakan	164

3.3.2.1 Watak Dan Perwatakan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduang 167

3.3.3 Latar 181

3.3.3.1 Latar Kaba Tjinduo Mato Dan Bunda Kanduang 183

3.3.4 Sudut Pandangan 188

3.3.4.1 Sudut Pandangan Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduang 190

3.4 Struktur Bahasa Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduang

3.4.1 Pengenalan 193
3.4.2 Gaya Bahasa Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduang 194
3.4.3 Struktur Ayat 200
3.4.4 Sistem Ejaan 202
3.4.5 Pengaruh Bahasa Asing 204

BAB IV: TELAAH AMANAT DI DALAM KABA TJINDUO MATO DAN BUNDO KANDUANG

Penilaian Terhadap Unsur-Unsur Amanat Di Dalam Kaba Tjinduo Mato Dan Bundo Kanduang 205

BAB V: RUMUSAN 226

BIBLIOGRAFI 232

LAMPIRAN I 235

LAMPIRAN II 236

BAB 1

PENGENALAN TEKS DAN DEFINISI

I.I Latar-belakang sastera lisan

Hasil-hasil kesusasteraan Melayu klasik atau lama boleh dibahagikan kepada dua bentuk iaitu sastera tulisan dan sastera lisan.[1] Setiap bentuk sastera klasik ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri di mana kebanyakan sastera tulisan adalah juga merupakan sastera istana manakala sastera lisan pula adalah milik rakyat.[2] Bagaimanapun, di dalam penghasilan karya-karya kesusasteraan Melayu klasik ini, wujud pula kegiatan tukar-menukar dan pinjam-meminjam di antara kedua-dua bentuk sastera lisan ini seperti yang dinyatakan oleh Ismail Hussein;

> "The pre-print literature can again be divided into two groups,thewritten and the oral. But even the written literature of this pre-print period must be regarded as part of an oral culture. In a generally illiterate society the written literature was meant more to be read privately, so the main medium of communication was the ear rather than the eye."[3]

Seterusnya hasil-hasil kesusasteraan Melayu klasik berbentuk lisan pula dapat dikategorikan kepada:

---

[1] Mohd. Taib Osman, Kesusasteraan Melayu Lama (Kuala Lumpur:Penerbit Federal Berhad, 1965), hlm. 6.

[2] Ismail Hussein, The Study of Traditional Malay Literature with A Selected Bibliography (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974), hlm. 10.

[3] Ismail Hussien, "Malay Philology - Possible Contribution from Malaysia", Review of Southern Asia Studies, 1:3, 1971, hlm. 21.

i. Sastera lisan berbentuk cerita atau naratif.

ii. Sastera lisan berbentuk bukan cerita atau bukan naratif.[1]

Sastera lisan berbentuk cerita terdiri pula dari beberapa jenis seperti cerita terdiri pula dari beberapa jenis seperti cerita penglipurlara, cerita binatang, cerita jenaka, metos dan lagenda. Sastera lisan bukan berbentuk cerita pula sebahagian besarnya berbentuk puisi seperti peribahasa, mentera, teka-teki, pantun, gurindam, syair dan nyanyian kanak-kanak.[2]

1.2 Kaba Minangkabau

Perkataan 'kaba' berasal dari perkataan Arab 'khabarun' yang bererti 'berita', 'warta' atau dalam bahasa Melayu disebut 'khabar'. Dalam kesusasteraan tradisional Minangkabau, 'kaba' membawa erti 'cerita' dan ia merupakan satu bentuk sastera lisan Minangkabau yang unik dan kompleks sifatnya.[3]

Di dalam masyarakat Minangkabau, sastera lisan berbentuk cerita dikenali sebagai kaba. Cerita yang disampaikan dalam bentuk prosa lirik ini juga telah banyak terdapat dalam bentuk buku. Kaba terus hidup dalam masyarakat Minangkabau dan dipercayai bahawa kewujudan kaba sebagai sastera lisan akan bertahan terus.[4]

Cerita-cerita penglipurlara dan kaba Minangkabau merupakan hasil-hasil kesusasteraan lisan yang di dalam bidang budaya rakyat (folklore) digelar sebagai

---

[1] A. Bakar Hamid, ed., Diskusi Sastera Jilid 1: Sastera Tradisi (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976), hlm. 21.

[2] Mohd. Taib Osman, ed., Tradisi Lisan di Malaysia (Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia & Sukan, 1975), hlm. 21.

[3] Jamil Bakar dll., Kaba Minangkabau 1 (Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, 1979), hlm. 8.

[4] Ibid., hlm. 7.

dongeng (fairy-tales). Cerita-cerita ini mempunyai pengaruh yang besar sebagai alat menghibur bagi masyarakat yang terpencil di kampung-kampung.[1]

Seperti mana usaha yang dilakukan oleh para orientalis Barat seperti Wilkinson dan Winstedt untuk mengumpulkan serta menghidupkan cerita-cerita penglipurlara Melayu dengan pertolongan Raja Hj. Yahya pada kurun ke-19[2], cerita-cerita kaba di Minangkabau juga masih hidup. Selain terdapat cerita-cerita kaba yang dipertuturkan atau disampaikan dalam bentuk lisan, ada juga cerita-cerita kaba yang telah diterbitkan di dalam bentuk buku.[3]

Di dalam sesuatu persembahan, cerita-cerita penglipurlara dan kaba ini amat bergantung kepada penutur yang dapat menyampaikan cerita-cerita tersebut dengan menarik dan berkesan. Cerita-cerita penglipurlara dan kaba, kedua-duanya disampaikan dengan satu teknik tertentu disertai dengan bunyian seperti seruling, kecapi dan rebab. Di Minangkabau, kerap pula cerita-cerita ini diikuti atau diselangselikan dengan nyanyian dan tarian randai.[4]

Unsur bahasa amat penting di dalam penyampaian kaba dan penglipurlara. Biasanya bahasa yang digunakan begitu indah serta mengandungi banyak perbandingan dan kiasan. Kaba yang disampaikan di dalam bentuk prosa lirik atau prosa berirama biasanya mempunyai bilangan sukukata yang agak konsisten atau tetap. Setiap baris lazimnya terdiri dari lapan sukukata tetapi adakalanya ia terdiri dari sembilan ataupun sepuluh sukukata. Jumlah sukukata yang konsisten inilah yang melahirkan irama di

---

[1] Alis Murni, "Penglipurlara Melayu dan Kaba Minangkabau (Satu Perbandingan)", Dewan Bahasa, 13:1, Januari, 1969, hlm. 35.

[2] Ibid., hlm. 35.

[3] Alis Murni, "Penglipurlara Melayu dan Kaba Minangkabau (Satu Perbandingan)", Dewan Bahasa, 13:1, Januari, 1969, hlm.36.

[4] Ibid., hlm 35.

dalam kaba.[1] Kata-kata tambahan, imbuhan dan perulangan sering digunakan untuk mendapatkan irama yang seimbang. Bentuk-bentuk sastera lisan yang lain seperti pepatah dan petitih, kiasan, peribahasa, deskripsi-deskripsi yang tetap bentuknya dan pantun juga ditemui di dalam kaba. Pantun adalah bentuk yang dominan dalam kebanyakan kaba.[2] Pantun digunakan untuk membuka tirai persembahan, memulakan cerita, menandakan peralihan adegan, sebagai penyambung adegan, dalam dialog dan sebagai penutup persembahan. Untuk memulakan cerita umpamanya kaba dipantunkan seperti berikut:

Kapa Ulando ba-petak-petak,
Banjak teserak buah palo,
Nang kodoh Datuk Radjo Indomo,
Balabuah sandji pukua anam,
Kaba lah lamo komah talatak,
Kini ditjetak diulang pulo,
Maulang kadji nan lamo,
Membangkik tarech nan tabanam.

Elok dikumpa udjung tali,
Buliah pengabek aka baha,
Aka diambiak kataruko,
Elok dikumpa udjung njanji,
Njanji talereng djadi kaba,
Kaba tjurito TJINDUO MATO.[3]

---

[1] Jamil Bakar dll., hlm. 8 - 9.

[2] A.A. Navis, "Kaba: Cerita Rakyat Minangkabau" (Kertaskerja Pertemuan Sasterawan Nusantara III, Kuala Lumpur 5 dan 6 Disember 1981), hlm 12

[3] Sjamsuddin Sutan-Radjo Endah, Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang (Indonesia: C.V. Pustaka Bukit Tinggi, tanpa tahun), hlm. 8.

Di bahagian penutup kaba pula biasanya terdapat pantun-pantun seperti berikut:

Di mano asa api palito,
Io dipandan nan baduri,
Di mano asa niniak kito,
Io di kaki Gunuang Merapi.

Rami kampuang rang Sumaniak,
Rami dianak urang Gurun,
Rami nan tangah hari,
Talantang karano naik,
Ralantak bagageh turun,
Maaf djo reda panjudahi.[1]

Kaba lama juga membawa tema yang sama seperti cerita-cerita penglipurlara iaitu berkisar di sekitar istana dan mengenai putera-puteri raja. Putera raja adalah wira yang tampan, gagah, sakti dan tidak terkalahkan. Puterinya pula cantik, jelita dan sempurna sifatnya sehingga tiada bandingan.[2]

Jika cerita penglipurlara mengandungi tiga bahagian cerita, keadaan yang sama juga terjadi pada kaba di mana ia terdiri daripada :

i. Bahagian awal.
ii. Perantauan/pengembaraan/perjuangan.
iii. Penutup.

---

[1] Ibid., hlm, 153.

[2] A.A. Navis, hlm. 12.

Pembahagian struktur penceritaan seperti yang dilakukan oleh Umar Junus memperlihatkan adanya urutan-urutan peristiwa di dalam kaba. Lazimnya bahagian awal cerita di dalam kaba-kaba lama ini adalah juga mengenai kelahiran wira.[1]

Kaba terbahagi kepada dua iaitu kaba lama dan kaba baru. Pembahagian ini adalah berdasarkan kepada struktur sosiologi cerita, tema, personifikasi pelaku dan nama-nama tempat. Kaba lama dengan ketara memperlihatkan struktur dan isi cerita yang menyimpang dari sistem sosial dan struktur masyarakat Minangkabau. Ini terjadi kerana kaba itu bersumberkan kebudayaan lain iaitu dari hikayat-hikayat Acheh dan cerita-cerita penglipurlara Melayu.[2]

Kaba dikatakan bermula dan lebih banyak beredar di wilayah 'pesisir' barat Minangkabau. Wilayah ini lebih terdedah kepada kemasukan kebudayaan asing terutama dari Acheh. Pedagang-pedagang dan pelaut-pelaut yang datang dari Acheh ke wilayah ini telah memperkenalkan hasil-hasil kesusasteraan yang berbentuk syair dan hikayat kepada masyarakat di Minangkabau. Oleh kerana cerita-cerita hikayat yang dibawa dari Acheh ini mempunyai banyak persamaan dengan hasil-hasil kesusasteraan masyarakat Minangkabau maka ia diterima oleh masyarakat Minangkabau lalu mereka mengolahnya menjadi kaba.[3]

Bentuk kaba yang lama menonjolkan cerita tentang masa lampau dan alam fantasi yang sukar diterima akal manakala kaba baru pula memperlihatkan isi yang asli tentang Minangkabau iaitu menceritakan tentang manusia Minangkabau dengan segala tindak-tanduknya. Ia melukiskan realiti yang diinterpretasikan oleh pengarang atau merupakan hasil imaginasi pengarang yang didasarkan pada realiti. Walaupun

---

[1] Umar Junus, "Lingkaran Cerita Kaba", dalam Dewan Sastera, 10:6, Jun 1980, hlm. 54.

[2] A.A. Navis, hlm. 7 - 12.

[3] Ibid., hlm. 6 - 7.

kadangkala ia berupa kisah tragedi dan menyimpang dari sistem sosial Minangkabau tetapi penyimpangan itu adalah untuk mengukuhkan sastera itu sendiri.[1]

Dengan ini dapatlah dikatakan bahawa bentuk kaba baru berisi dengan pengajaran-pengajaran untuk masyarakat Minangkabau kerana kaba berbentuk baru ini merupakan koreksi atau pembetulan terhadap penyimpangan ahli masyarakat dari sistem sosial keturunannya.

Menurut Alis Murni[2], kaba-kaba baru (moden) adalah untuk tujuan pendidikan di samping hiburan. Dengan ini timbul usaha-usaha untuk menggubah kaba-kaba yang berdasarkan masyarakat moden yang nyata supaya dapat menyampaikan ajaran-ajaran melaluinya. A.A. Navis berpendapat bahawa kaba bentuk baru ini telah dijadikan sebagai media untuk mencantumkan pengajaran-pengajaran dan pembetulan terhadap penyimpangan cara hidup yang dilakukan di kalangan masyarakat Minangkabau.[3]

Alis Murni[4] selanjutnya mengatakan bahawa kaba sebagai hasil seni tidak hanya tinggal sebagai hasil sastera semata-mata tetapi kaba dapat digunakan sebagai alat untuk melihat kebudayaan Minangkabau sedekat-dekatnya. Pendapat ini adalah selaras dengan pendapat yang dikemukakan oleh A.H. Johns;

> "The kaba is of particular value because of the insight it gives into the way in which the Minangkabau, looking on their social traditions as forming an ideal way of life, see the balance and harmony of the various elements it comprises."[5]

---

[1] Umar Junus, "Kaba dan Sistem Sosial Minangkabau: Suatu Problema", (Kertaskerja Seminar Internasional Mengenai Kesusuasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau), Bukit Tinggi, 4 hingga 6 September 1980, hlm 2 dan 12.

[2] Alis Murni, hlm. 78.

[3] A.A. Navis, hlm. 15.

[4] Alis Murni, hlm. 80.

[5] A.H. Johns, Rantjak Di Labueh: A Minangkabau Kaba (New York: University of Cornell, 1958), hlm. xii.

Selanjutnya Umar Junus[1] berpendapat bahawa penerusan tradisi pada kaba baru lebih merupakan penerusan unsur persembahan, bukan unsur cerita. Malahan ada kaba yang dikatakan berdasarkan peristiwa yang benar-benar terjadi dan jika dibandingkan kaba baru dengan cerita-cerita penglipurlara, persamaan yang jelas adalah dari segi persembahan dan penyampaian cerita sahaja.

Dari huraian-huraian yang telah diberikan dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa kaba-kaba Minangkabau ini seperti juga cerita-cerita penglipurlara Melayu merupakan pancaran dari pemikiran kehidupan masyarakatnya di samping ianya merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan nilai-nilai kesususasteraan dan kebudayaan serta kepercayaan mereka. Bagaimanapun, kewujudan genre kaba ini di kalangan masyarakat Melayu tidak begitu diberikan perhatian. Fenomena ini mungkin disebabkan oleh wujudnya perbezaan yang ketara di dalam latar belakang struktur sistem sosial di antara masyarakat Minangkabau dan masyarakat Melayu. Bentuk-bentuk kaba Minangkabau ini dapat dijadikan landasan untuk mengenal tatasusila masyarakat yang melahirkan karya-karya sastera tertentu.

1.3 Definisi struktur dan sejarah perkembangan Pendekatan Struktural di dalam karya-karya sastera

Di dalam menganalisis sesebuah karya sastera, ianya haruslah dianalisis berdasarkan kepada penghasilan karya kreatif itu sendiri. Dengan kata lain, penilaian dan pengamatan yang dibuat hanyalah berdasarkan kepada unsur-unsur yang membina karya tersebut sahaja. Beberapa orang pengkritik seperti Samuel Taylor Coleridge, Edgar Allan Poe dan Henry James berpendapat bahawa sesebuah penghasilan karya hendaklah dikaji berdasarkan ciri-ciri dan aspek-aspek yang membinanya.[2]

---

[1] Umar Junus, hlm. 3.

[2] Wilbur Scott, Five Approaches of Literary Criticism (London: Collier - Macmillan, 1962), hlm. 179.

Menurut Hornby, Gatenby dan Wakefield di dalam The Advanced Lerarner's Dictionary of Current English, perkataan 'struktur' adalah berasal dari perkataan Inggeris iaitu 'structure' yang membawa kepada pengertian susunan, binaan atau asas untuk membina sesuatu supaya teratur dan baik.[1] Perkataan 'struktur' ini boleh juga dihubungkan dengan perkataan 'architecture' yang membawa kepada pengertian seni membina sesuatu bangunan supaya teratur, indah dan menarik.[2]

Marshall dan Nelson telah mendefinisikan struktur sebagai;

> " ... a body capable of resisting applied loads without any appreciable deformation of one part relative to another."[3]

Pengertian yang diberikan oleh Marshall dan Nelson itu menjelaskan bahawa struktur merupakan satu rangka yang penting untuk menghubungkan di antarasatu bahagian dengan bahagian lainnya.

Menurut Joseph T. Shipley pula struktur ialah;

> "The sum total of elements that make up the form of a work. A structure may have such diverging element that it does not satisfy any logical or critical estimate, in which case it is called from less."[4]

Menurut Hashim Awang, struktur merupakan satu rangka pembinaan atau satu cara penyusunan. Jika ditujukan kepada cereka maka struktur ialah cara pembinaan penceritaan dalam sesebuah cereka. Dengan ini, struktur dapat diertikan sebagai penyusunan daripada berbagai-bagai unsur di dalam sesebuah cerita sehingga berhasil

---

[1] A.S. Hornby, E.V. Gatenby dan H. Wakefield, The Advanced Learner's Dictionary of Current English (London: Oxford University Press, 1972), hlm. 1001.

[2] Ibid., hlm, 44.

[3] W.T. Marshall dan H.M. Nelson, Structures (London: Pittman Publishing, 1974), hlm. 1.

[4] Joseph T. Shipley, Dictionary of World Literary Terms (London: George Allen & Unwin, 1970), hlm. 313.

melahirkan kesan-kesan keindahan seni.[1] Oleh yang demikian, penganalisaan dan penafsiran dari sudut instrinsik terhadap sesebuah cereka bererti membahaskan bahagian-bahagian seperti plot, sudut pandangan, latar, gaya yang kesemuanya... dalam satu karya estetis terjalin menjadi satu struktur atau kesatuan yang organis.[2]

Dari pendapat yang dikemukakan oleh para pengkritik itu, ianya memberi makna bahawa sesebuah hasil karya itu akan dikaji secara terperinci tentang bentuk susunan karya tersebut, meneliti persoalan yang menjadi tema karya, meneliti idea atau pemikiran yang cuba diketengahkan oleh pengarang, pengenalan watak serta lain-lain aspek dalaman sesebuah karya.

Pendekatan Struktur menganalisis karya semata-mata berpandukan kepada struktur karya yang dihasilkan. Pendekatan ini tidak menghuraikan aspek ekstrinsik atau luarannya. Ia tidak menghubungkan antara karya dengan diri pengarang, latar belakang, pendidikan, fungsi kesusasteraan, keperluan masa dan sebagainya. Ia mahu menjadikan dirinya sebagai satu pendekatan yang objektif, yang tidak terikat kepada perkara lain dari karya sastera yang sedang dihadapi oleh seseorang pengkritik.[3]

Dengan ini dapatlah disimpulkan bahawa struktur adalah binaan yang menghubungkan unsur-unsur yang kompleks menjadi satu kesatuan yang utuh dan padu. Ringkasnya, unsur-unsur struktur adalah plot, watak, latar, gaya bahasa dan sudut pandangan.[4]

---

[1] Hashim Awang, Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Tema dan Struktur (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981), hlm. 95.

[2] Mohd. Thani Ahmad, "Kesusasteraan dan Strukturnya: Satu Pendekatan", Dewan Bahasa November 1973, hlm. 504.

[3] Mana Sikana, Kritikan Sastera: Pendekatan dan Kaedah (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1986), hlm. 82.

[4] Mohd. Thani Ahmad, hlm. 504.

Sebelum beralih kepada perbincangan yang lebih lanjut, sejarah perkembangan Pendekatan Struktural ini akan ditinjau sebagai memberikan gambaran yang lebih jelas dan mendalam selaras dengan aspek yang dikaji.

Pada dasarnya, pengkajian mengenai Pendekatan Struktural ini bermula atau bertitik-tolak daripada aliran strukturalisme atau Pendekatan Struktural dalam pengkajian bahasa (Linguistik) yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure dan kemudiannya aliran ini telah diperkembangkan lagi oleh Levi-Strauss.[1] Konsep-konsep de Saussure yang paling berpengaruh adalah konsep "tanda" dan konsep sinkroni dan diakroni.[2]

Menurut Scholes[3] , "tanda" merupakan elemen dasar dari struktur linguistik. "Tanda" itu sendiri terbangun dari dua elemen pembangun iaitu "penanda" dan "petanda". "Penanda" adalah ciri bunyi manakala "petanda" adalah konsep.

Dari pengertian dan huraian Scholes itu dapatlah dikatakan bahawa konsep "tanda" berkaitan dengan struktur bahasa manakala konsep sinkroni dan diakroni berkaitan dengan pengkajian bahasa (linguistik). Pendekatan sinkroni adalah pendekatan terhadap bentuk menyeluruh dari suatu bahasa tertentu dalam waktu yang tertentu. Pendekatan diakroni pula merupakan pendekatan terhadap sejarah perkembangan bentuk-bentuk bahasa yang berkaitan dengan masa lampau, masa kini ataupun masa yang akan datang.[4]

Seterusnya Scholes mengatakan bahawa de Saussure di dalam pengkajiannya lebih mementingkan pendekatan sinkroni daripada pendekatan diakroni. Pendekatan

---

[1] Richard Taylor, Understanding The Elements of Literature (London: Macmillan, 1981), hlm. 48 - 100.

[2] Irene Portis Winner, t.t, "The Semiotic Character of the Aesthetic Function as Defined by the Prague Linguistik Circle", hlm. 408

[3] Robert Scholes, Structuralism in Literature (London: Yale University Press, 1977), hlm. 13.

[4] Ibid., hlm. 17.

diakroni dianggap sebagai satu-satunya pendekatan yang dapat memberikan gambaran yang tepat mengenai sistem bahasa secara keseluruhan. Ekoran dari itu, de Saussure berpendapat bahawa di antara kedua-dua pendekatan sinkroni dan diakroni wujud satu pertentangan.[1]

Pengaruh konsep-konsep Pendekatan Struktural yang dipelopori oleh de Saussure di dalam pengkajian bahasa (linguistik) kemudiannya diaplikasikan di dalam pengkajian kesusasteraan. Di dalam pengkajian kesusasteraan, Pendekatan Struktural menganggap karya sastera adalah lambang sosial atau sistem tanda yang terdiri daripada struktur yang saling berhubungan dengan menentukan kedudukannya.[2] Dengan kata lain, de Saussure beranggapan bahawa sesuatu karya sastera itu tidak mempunyai hubungan dengan sesuatu yang ada di luar karya tersebut melainkan ia berhubungan dengan unsur-unsur lain yang membangunkan karya sastera itu sahaja. Oleh yang demikian, karya sastera digolongkan sebagai fakta sinkroni dari sebuah sistem yang wujud dalam karya tersebut.

Hawkes berpendapat bahawa pendekatan yang memandang karya sastera sebagai suatu objek merupakan fahaman yang dianuti oleh golongan New Criticism di Eropah dan Amerika.[3] Dengan mengamalkan pendekatan ini, New Criticism menggunakan pendekatan secara analitik terhadap karya sastera tanpa berpandukan kepada data-data biografis, sosial, psikologi dan historis dari luar karya sastera tersebut.[4]

---

[1] Irene Portis Winner, hlm 409.

[2] M.H. Abrams, A Glossary of Literary Terms (New York: Holt, Rinehart & Winston, 1981), hlm. 188.

[3] Terence Hawkes, Structuralism and Semiotics (London: Metheum and Co. Limited, 1978), hlm. 152.

[4] Ibid., hlm. 152.

A. Teeuw pula berpendapat bahawa Pendekatan Struktural "dari segi tertentu membawa hasil yang gilang-gemilang" dalam mengupas secara terperinci struktur sesebuah karya sastera .[1]

Pendekatan Struktural tidak memerlukan pasak sejarah kesusasteraan dan kritikan tradisional ini untuk menyingkap sistem perlambangan yang berfungsi dalam kesusasteraan. Dengan mengambil petua daripada linguistik struktur, pendekatan ini akan memberikan penumpuan kepada pelambang bukannya kepada yang dilambangkan. Pendekatan ini akan memberikan perhatian kepada cara sesuatu makna itu dihasilkan bukan kepada makna itu sendiri.[2]

Hasil dari pengertian-pengertian dan huraian-huraian yang telah dikemukakan oleh para sarjana, dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa Pendekatan Struktural merupakan satu pendekatan tindakbalas atau reaksi terhadap kecenderungan anggapan bahawa sesebuah karya sastera itu tidak mempunyai perkaitan dengan perkara-perkara yang berada di sekitar atau di luar karya tersebut.[3]

1.4 Definisi amanat

Kegiatan penciptaan sesebuah karya sastera mempunyai pelbagai motif dan tujuan. Selain bertujuan untuk memberikan hiburan, penciptaan karya-karya kesusasteraan juga dibuat atas dorongan untuk memberikan pengajaran atau amanat kepada masyarakat. Ini disebabkan karya-karya kesusasteraan merupakan pancaran

---

[1] A. Teeuw, Membaca dan Menilai Sastera (Jakarta: Gramedia, 1983), hlm. 2.

[2] Ann Jefferson dan David Robey, ed., Teori Kesusasteraan Moden: Pengenalan Secara Perbandingan (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988), hlm. 128.

[3] Faruk, Strukturalisme - Genetik (Teori General, Perkembangan Teori Dan Metodenya) (Jakarta: Masyarakat Poetika Indonesia, 1986), hlm. 8.

pemikiran kehidupan masyarakat dengan merakamkan setiap aspek kehidupannya di dalam bentuk-bentuk cerita penglipurlara. Oleh yang demikian, karya sastera dan masyarakat mempunyai satu bentuk hubungan yang unik serta saling berkaitan.

Dalam memberikan pengertian amanat ini, Thrall dan Holman berpendapat bahawa;

> "... In poetry, fiction and drama it is the abstract concept which is made concrete through its representation, action and image in the work."[1]

Dari pengertian yang diberikan oleh Thrall dan Holman ini, dinyatakan bahawa di dalam sesebuah karya kesusasteraan itu terdapat konsep yang abstrak yang dilahirkan melalui watak, aksi dan imej selain dari persoalan utama yang menjadi temanya.

Definisi dan pengertian yang diberikan oleh Thrall dan Holman ini memperlihatkan bahawa karya-karya kesusasteraan turut memberikan penekanan kepada konsep amanat yang agak abstrak selain dari tema karya tersebut. Dalam hal ini, M. Saleh Saad berpendapat bahawa;

> "Tema adalah suatu yang menjadi fikiran, suatu yang menjadi persoalan bagi pengarang. Di dalamnya terbayang pandangan hidup atau cita-cita pengarang bagaimana ia melihat persoalan itu. Persoalan inilah yang dihidangkan oleh pengarang, kadang-kadang atau sering juga dengan pemecahannya sekaligus. Pemecahan inilah yang diistilahkan dengan amanat. Jadi sesungguhnya ada sesuatu yang hendak dikatakan pengarang, baik positif ataupun negatif, bukan hanya sentimentalitas belaka."[2]

---

[1] A. Hibbard Thrall dan C.H. Holman, A Handbook to Literature (New York: The Odyssey Press, 1960), hlm. 486.

[2] Lukman Ali (peny.), Bahasa dan Sastera Indonesia Sebagai Cermin Manusia Indonesia Baru (Jakarta: Gunung Agung, 1967), hlm. 118.

Kesimpulan yang dapat dibuat dari definisi dan pengertian yang dikemukakan di atas memperlihatkan bahawa amanat merupakan suatu konsep abstrak yang cuba diketengahkan oleh pengarang karya berkenaan kepada masyarakat dengan menghubung-jalinkan item-item seperti tema kandungan dan konsep amanat. Umpamanya M. Saleh Saad memberikan maksud bahawa unsur-unsur yang dikemukakan adalah hasil dari pemecahan kepada tema atau persoalan di dalam karya-karya berkenaan di mana di dalam pengkajian sesebuah karya sastera, ia juga harus diberikan penekanan kerana dari unsur-unsur inilah tujuan seseorang pengarang itu terungkap.

Dengan kata lain, unsur-unsur ini yang membentuk aspek dalaman sesebuah karya merupakan aspek utama yang akan dibicarakan berdasarkan kepada Pendekatan Struktural di dalam menganalisis dan menghuraikan genre-genre sastera.

1.5 Pengenalan Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang.

Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang merupakan kaba yang tertua dan yang paling popular di kalangan masyarakat Minangkabau.[1] Kaba ini mengisahkan aspek yang terpenting dalam kehidupan sosial masyarakat Minangkabau.[2] Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang merperlihatkan ideal sosial dari sudut Islam dan adat yang hidup harmonis bersama-sama di bawah pemerintahan seorang ketua atau pemimpin wanita yang bernama Bunda Kandung. Dapat dilihat di dalamnya gambaran hidup masyarakat dan juga pemerintahan yang berbentuk "democratic matrilineal."[3]

Naskhah Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang yang telah dijadikan dasar kajian ini diperolehi dari Perpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Kaba Tjinduo

---

[1] A. H. Johns, (ed.) Rantjak Di Labueh: A Minangkabau Kaba (N. York: University of Cornell, 1958), hlm. xi.

[2] Ibid., hlm. xi.

[3] Alis Murni, hlm, 80. Lihat juga A. H. Johns, hlm. xi.

Mato dan Bundo Kanduang ini merupakan kisah dari kesusasteraan Minangkabau yang ditulis di dalam bahasa Minangkabau. Bagaimanapun, kaba ini telah disusun semula oleh Sjamsuddin Sutan-Radjo Endah dan naskhah kaba yang dijadikan kajian ini merupakan cetakan yang ketiga. Naskhah ini diterbitkan oleh C.V. Pustaka Indonesia Bukit Tinggi serta mempunyai 153 halaman. `Berdasarkan kepada tajuk kaba ini, ianya mempunyai persamaan dengan cerita-cerita penglipurlara Melayu yang memancarkan aspek kehidupan masyarakatnya. Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang ini memaparkan sejarah negeri Minangkabau ketika berada di bawah pemerintahan seorang pemimpin wanita yang bernama Bunda Kandung. Bunda Kandung telah menjalankan pemerintahan secara demokratis dengan dibantu oleh menteri-menterinya yang bergelar Besar Empat Balai.

1.5.1 Latar Belakang Pengarangnya

Pengkajian terhadap sesebuah karya kesusasteraan Melayu lama biasanya menitikberatkan aspek kepengarangannya sesuai dengan karya yang menjadi cermin kepada kehidupan masyarakat berkenaan.

Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang yang dikaji tidak mencatatkan nama sebenar pengarangnya yang asal. Bagaimanapun, kaba ini telah disusun pula oleh Sjamsuddin Sutan-Radjo Endah sebagai satu usaha untuk membukukan cerita-cerita rakyat yang masyhur supaya tidak lenyap ditelan zaman. Ketiadaan nama pengarang sebenar cerita ini telah dinyatakan oleh penyusun naskhah ini sebagai;

> "... cerita lama Minangkabau yang disusun mula-mula untuk dituturkan sebagai "kaba" iaitu cerita dilagukan dalam bahasa daerah, maka pengarang atau para pengarangnnya, tidaklah dapat dikenal lagi".

Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan kelahiran kaba ini yang merupakan kaba atau cerita yang tertua di kalangan masyarakat Minangkabau. Dengan ini maka sukar untuk menentukan pengarang kaba ini yang sebenarnya.

1.5.2 Tarikh penciptaan.

Tarikh penciptaan juga merupakan satu perkara yang penting di dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Justeru tidak terdapatnya tarikh penciptaan pada kaba ini, maka sukarlah untuk ditentukan tarikh penciptaannya yang tepat. Tarikh kaba ini disusun semula oleh Sjamsuddin Sutan-Radjo Endah juga tidak ditulis melainkan hanya dinyatakan bahawa naskhah ini merupakan cetakan yang ketiga.

Oleh kerana kaba ini memaparkan zaman keagungan negeri Minangkabau di bawah pemerintahan Bunda Kandung, A. H. Johns mengatakan bahawa tarikh sebenar penciptaan kaba ini boleh diteka seperti katanya;

> "It is only possible to guess its age. The events it refers to as history, popular tradition supposed to have taken place after the time of Adityavarman 1347, and the copies we have assume a state in which Islam and the adat have stabilized their respective positions in a permanent administrative framework. This could hardly have been possible before the eighteenth century..."[1]

Dari andaian yang dibuat oleh A. H. Johns itu dapatlah dibuat terkaan bahawa kaba ini dicipta sebelum awal abad ke-18 iaitu selepas kejatuhan pemerintahan kerajaan Hindu-Buddha.

1.5.3 Tujuan penciptaan.

Sebagai sebuah hasil karya kesusasteraan Melayu lama sudah tentu pengarang karya ini juga mempunyai pelbagai tujuan atau amanat yang hendak disampaikan kepada pada pendengar/pembaca.

Salah satu tujuan pengarang adalah supaya para pemerintah agar sentiasa berlaku adil dan saksama di dalam mengendalikan pentadbiran negeri. Pemerintahan secara demokratik dengan mengamalkan konsep-konsep musyawarah adalah satu cara yang amat baik. Ini dilukiskan melalui watak Bunda Kandung, seorang pemerintah wanita

---

[1] A. H. Johns, 1958, hlm. xi.

yang tidak pernah mengenepikan menteri-menterinya yang bergelar Besar Empat Balai di dalam membuat atau mencari sesuatu jalan penyelesaian. Dengan cara ini, keputusan yang diperolehi adalah keputusan yang terbaik.

Selain daripada itu, dapat juga dilihat bahawa pengarang menyeru agar pembaca sentiasa menegakkan kebenaran dengan berlandaskan kepada hukum-hukum syara' yang telah ditentukan oleh Allah di samping menjauhi segala perkara yang mengakibatkan kezaliman serta keengkaran.

Adalah dipercayai bahawa Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang yang terawal tidak mempunyai unsur-unsur yang berbau keislaman. Bagaimanapun, dengan adanya kedatangan agama Islam ke alam Nusantara maka berlaku penyesuaian ke atas kaba ini di mana unsur-unsur keislaman telah diaplikasikan ke dalam kaba ini. Ini mungkin dilakukan untuk menyampaikan ajaran-ajaran Islam yang sedang mula berkembang di Nusantara pada waktu itu dan media yang paling sesuai ialah dengan menggunakan karya-karya sastera.

Masyarakat Minangkabau amat kuat dengan lingkungan adat. Dengan kedatangan agama Islam, adat masyarakat ini telah disesuaikan dengan pengajaran-pengajaran agama Islam sehingga kombinasi di antara keduanya telah dapat melahirkan satu sistem sosial yang harmonis.

1.5.4 Perbandingan dengan naskhah-naskhah lain

Cerita rakyat Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang ini amat popular dan oleh yang demikian ianya terdapat dalam perlbagai versi. Perbandingan akan dibuat berdasarkan kepada;

i. Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang (KTMDBK) yang disusun oleh Sjamsuddin Sutan-Radjo Endah dan diterbitkan oleh C.V Pustaka Indonesia Bukit Tinggi (tanpa tahun).

ii. Tjindur Mata (TM) yang disusun oleh A. Dt. Madjoindo dan diterbitkan oleh P. N. Balai Pustaka (1964)

iii. Panglima Chindur Mata (PCM) yang disusun oleh Sutan R. Mas'ud dan diterbitkan oleh Penerbitan Pustaka Antara, Kuala Lumpur (1962).

Ada beberapa perbezaan di antara naskhah-naskhah yang dinyatakan di atas. Antaranya KTMDBK ditulis di dalam bahasa Minangkabau manakala TM ditulis di dalam bahasa Indonesia. PCM pula ditulis dalam bahasa Melayu (Bahasa Malaysia).

Terdapat juga perbezaan di dalam plot cerita di antara ketiga-tiga naskhah tersebut. Di dalam KTMDBK, cerita dimulakan dengan kisah sebelum kelahiran Dang Tuanku dan Tjindur Mata di mana Bunda Kandung telah bermimpi bertemu dengan seorang tua yang menyuruhnya supaya mengambil kelapa gading untuk dimakan isi dan diminum airnya bersama Kembang Bendahari. Setelah dilakukan seperti mana yang dimimpikan, kedua-duanya mendapati diri mereka mengandung serta telah mengidam menghendaki susu harimau dan hati buaya. Setelah genap harinya, Bunda Kandung dan Kembang Bendahari telah melahirkan anak lelaki yang telah dinamakan Sultan Rumandung dan bergelar Dang Tuanku serta Tjindur Mata. Setelah dewasa, Tjindur Mata telah ditunangkan dengan puteri Lenggo Geni iaitu anak kepada Datuk Bendahara. Tjindur Mata kemudian telah diperintahkan supaya membawa persembahan kepada Raja Muda sebagai tanda persaudaraan dari Bunda Kandung. Tjindur Mata kemudian telah membawa Puteri Bongsu iaitu anak Raja Muda yang akan dinikahkan dengan Imbang Jaya ke Pagar Ruyung. Imbang Jaya kemudian telah melancarkan serangan ke atas Pagar Ruyung tetapi niat Imbang Jaya itu telah dilarang oleh Raja Dua Sila yang telah berjaya menewaskannya. Kematian Imbang Jaya telah menimbulkan kemarahan bapanya yang bernama Tiang Bungkuk, seorang yang sangat kebal. Dengan kebijaksanaannya, Tjindur Mata telah berjaya membunuh Tiang Bungkuk setelah mengetahui rahsia kekuatannya. Setelah berjaya menewaskan Tiang Bungkuk, Tjindur Mata telah dinobatkan sebagai pemerintah di Pagar Ruyung menggantikan Dang Tuanku. Beberapa hari selepas perlantikannya sebagai raja, Dang Tuanku, Bunda Kandung dan Puteri Bongsu telah

diangkat ke langit. Tinggallah Tjindur Mata menjadi pemerintah di Pagar Ruyung dan kemudiannya dilantik juga sebagai pemerintah di Sungai Ngiang menggantikan tempat Tiang Bungkuk.

Di dalam TM pula plot dimulakan dengan Bunda Kandung yang memerintahkan Dang Tuanku dan Tjindur Mata pergi ke Sungai Tarab kerana Bendahara sedang mencarikan jodoh untuk anaknya yang bernama puteri Lenggo Geni. Tjindur Mata dan Puteri Lenggo Geni kemudiannya telah ditunangkan. Tjindur Mata yang dihantar sebagai wakil Bunda Kandung ke Sungai Ngiang untuk membawa persembahan kepada Raja Muda telah membawa Puteri Bongsu yang akan dikahwinkan dengan Imbang Jaya ke Pagar Ruyung. Imbang Jaya kemudian telah melancarkan serangan ke negeri Pagar Ruyung. Bagaimanapun, Imbang Jaya telah berjaya dibunuh oleh Tjindur Mata sendiri. Selepas peristiwa tersebut, Bunda Kandung telah mengahwinkan Dang Tuanku dengan Puteri Bongsu dan Tjindur Mata dengan Puteri Lenggo Geni. Sebelum Tiang Bungkuk sampai ke Pagar Ruyung untuk menuntut bela kematian Imbang Jaya, Dang Tuanku telah bermimpi bertemu dengan malaikat yang turun dari langit dan memerintahkannya supaya meninggalkan Pagar Ruyung. Setelah mengetahui mimpi tersebut, Bunda Kandung menobatkan Tjindur Mata sebagai pengganti kepada Dang Tuanku. Ketika Tjindur Mata sedang menentang Tiang Bungkuk berlaku kejadian yang aneh di mana Dang Tuanku, Bonda Kandung dan Puteri Bongsu telah diangkat naik ke langit. Dengan kebijaksanaannya, Tjindur Mata telah berjaya membunuh Tiang Bungkuk. Tjindur Mata kemudian mengahwini Puteri Ranit Jintan serta dilantik sebagai pemerintah di Sungai Ngiang menggantikan iang Bungkuk.

PCM hanya memaparkan kisah peperangan yang bermula dari tindakan Tiang Bungkuk yang ingin membalas dendam dengan kematian Imbang Jaya. Naskhah ini memuatkan pertempuran-pertempuran di antara panglima Chindur Mata dengan Imbang Jaya dan Tiang Bungkuk. Peperangan yang tiada berkesudahan ini akhirnya dibawa ke meja perundingan oleh balai Datok-Datok yang membuat keputusan untuk menyerahkan Panglima Chindur Mata kepada Tiang Bungkuk sebagai mengakhiri peperangan di antara

kedua-dua negeri tersebut. Panglima Chindur Mata akhirnya berjaya membunuh Tiang Bungkuk.

Selain daripada itu, di dalam KTMDBK dinyatakan bahawa Tjindur Mata telah berkahwin dengan Puteri Reno Bulan iaitu adik kepada Puteri Bongsu di samping isterinya Puteri Lenggo Geni. Manakala di dalam TM pula dinyatakan Tjindur Mata telah berkahwin dengan Puteri Ranit Jintan iaitu anak kepada Tiang Bungkuk sehingga memperolehi anak yang kemudiannya dilantik sebagai pemerintah di Sungai Ngiang.

Di dalam naskhah KTMDBK dan TM diperlihatkan peranan yang dimainkan oleh Bunda Kandung sebagai pemerintah di Pagar Ruyung manakala di dalam naskhah PCM tidak sedikit pun diketengahkan peranan Bunda Kandung dalam pemerintahan di Pagar Ruyung.

Walau bagaimanapun, dari ketiga-tiga naskhah tersebut yang jelas adalah adanya persamaan dalam memperlihatkan kekuatan Tjindur Mata yang bertindak sebagai wira di negeri Pagar Ruyung. Wujudnya perbezaan-perbezaan ini mungkin disebabkan oleh proses penyalinan semula cerita ini dan berlakunya tokok-tambah dalam proses tersebut.

1.6 Ringkasan cerita

Bunda Kandung adalah seorang pemerintah wanita di negeri yang bernama Pagar Ruyung di tanah Minangkabau. Pada suatu hari, Bunda Kandung telah bermimpi bertemu dengan seorang tua yang berjanggut panjang serta memakai baju dan serban putih. Di dalam mimpinya itu, Bunda Kandung telah diperintahkan supaya mengambil kelapa gading dan memakan isi serta minum airnya bersama dengan pembantunya yang bernama si Kembang Bendahari. Keesokan harinya, Bunda Kandung telah memerintahkan Selamat dan Berkat mengambil kelapa gading tersebut. Setelah makan isi kelapa serta meminum airnya, didapati Bunda Kandung dan Kembang Bendahari telah mengandung. Ketika sedang mengandung, kedua-duanya mengidam hendak minum susu harimau dan makan hati buaya. Setelah cukup usia kandungan sembilan bulan

sembilan hari, Bunda Kandung dan Kembang Bendahari telah selamat melahirkan anak lelaki. Anak Bunda Kandung dinamakan Sultan Rumandung dan diberi gelaran Dang Tuanku sementara anak Kembang Bendahari dinamakan Tjindur Mata. Kedua-dua anak tersebut telah dipelihara dengan sebaik-baiknya oleh Bunda Kandung sehingga mereka meningkat dewasa.

'Pada suatu hari, Bunda Kandung telah memanggil Dang Tuanku dan Tjindur Mata supaya datang mengadap. Dang Tuanku baru sahaja dinobatkan sebagai pemerintah Minangkabau kerana Bunda Kandung telah tua. Setelah dinobatkan sebagai raja, Bunda Kandung lalu memberikan tunjuk ajar kepada Dang Tuanku berkenaan dengan hal-hal pemerintahan Minangkabau yang dinamakan adat "Tungku Tiga Sejerangan" iaitu terdapat setiap seorang raja di Buo, Sumpurkudus dan Pagar Ruyung sendiri. Raja Buo adalah raja yang memegang adat dan lembaga dan beliau lebih dikenali sebagai Raja Adat. Raja Sumpurkudus adalah raja yang bertanggungjawab dengan hukum-hukum syara' manakala Dang Tuanku sendiri menjadi pemerintah di Minangkabau. Di bawah raja-raja ini terdapat Besar Empat Balai yang terdiri dari Datuk Bendahara di Sungai Tarab, Datuk Makhdum di Sumanik, Tuan Kadhi di Padang Ganting dan Indomo di Saruaso.

Bunda Kandung telah memerintahkan supaya Dang Tuanku, Tjindur Mata serta tiga orang pembantunya yang bernama Berkat, Barulih dan Tambahi pergi ke Sungai Tarab kerana Datuk Bendahara sedang berusaha untuk mencarikan jodoh anaknya yang bernama Puteri Lenggo Geni. Selain dari itu, lawatan tersebut akan memperkenalkan Dang Tuanku kepada rakyatnya di samping rakyat dapat berkenal-kenalan dengan raja mereka. Bunda Kandung juga telah meminta supaya Dang Tuanku menyampaikan hasratnya kepada Bendahara agar menjodohkan Puteri Lenggo Geni dengan Tjindur Mata. Segala pesanan dari Bunda Kandung telah berjaya dilaksanakan dan Tjindur Mata serta Puteri Lenggo Geni telah ditunangkan.

Pada suatu hari ketika Dang Tuanku mengadakan perlawanan menyambung ayam Kinantan dengan ayam Pilas-enau-tua kepunyaan Datuk Bendahara, Tjindur Mata

telah mengambil kesempatan pergi berjalan-jalan di pasar. Tjindur Mata kemudiannya menemui dua orang pengembara yang datang dari Tanjung Sungai Ngiang. Kedua-dua pengembara tersebut telah memberitahu Tjindur Mata bahawa Raja Muda iaitu pemerintah di Sungai Ngiang sedang membuat persiapan untuk mengahwinkan anaknya yang bernama Puteri Bongsu dengan Imbang Jaya. Perkahwinan ini diatur kerana Raja Muda mengatakan bahawa anak saudaranya dari Pagar Ruyung yang menjadi tunangan kepada Puteri Bongsu telah mengidap penyakit tokak dan tekong serta telah dibuang negeri kerana penyakitnya itu. Imbang Jaya pula telah memerintahkan orang-orang suruhannya agar menyamun dan membunuh sesiapa sahaja yang melalui Bukit Tambuntulang.

Mendengar perkhabaran tersebut, Tjindur Mata merasa amat marah lalu beliau membawa Dang Tuanku pulang semula ke Pagar Ruyung. Tjindur Mata telah menceritakan segala hal yang diketahui dari pengembara tersebut kepada Bunda Kandung dan Dang Tuanku sekembalinya mereka ke Pagar Ruyung. Berita tersebut menimbulkan kemarahan di hati Bunda Kandung kerana Raja Muda telah melanggar janji bahawa Puteri Bongsu akan dijodohkan dengan Dang Tuanku. Bunda Kandung telah memerintahkan agar menyerang ke Sungai Ngiang sebagai menuntut malu terhadap fitnah yang dibuat ke atas Dang Tuanku serta janji yang dilanggar oleh Raja Muda. Bagaimanapun, cadangan ini tidak dipersetujui oleh Dang Tuanku, Tjindur Mata serta Besar Empat Balai kerana Bunda Kandung dan Raja Muda mempunyai pertalian sebagai adik-beradik. Hasil dari musyawarah yang diadakan, mereka bersetuju untuk menghantar kerbau si Binuang, beras secupak dan sirih pinang selengkapnya ke Sungai Ngiang sebagai tanda persaudaraan dari Bunda Kandung kepada Raja Muda. Tjindur Mata dipilih sebagai wakil kepada Bunda Kandung dan Dang Tuanku menyampaikan persembahan tersebut kepada Raja Muda di Sungai Ngiang.

Sebelum Tjindur Mata berangkat ke Sungai Ngiang, Dang Tuanku telah meminta agar Tjindur Mata menyampaikan pesannya kepada Puteri Bongsu dan mengharapkan agar Puteri Bongsu datang ke Pagar Ruyung. Setelah cukup segala kelengkapan, berangkatlah Tjindur Mata ke Sungai Ngiang. Setibanya Tjindur Mata di Bukit

Tambuntulang, beliau telah dikepung oleh penyamun-penyamun yang diupah oleh Imbang Jaya untuk membunuh sesiapa sahaja yang melalui kawasan tersebut. Dengan kebijaksanaan dan kegagahannya, Tjindur Mata berjaya mengalahkan serangan penyamun-penyamun tersebut dan berjaya menyedarkan kesalahan yang telah mereka lakukan.Kedatangan Tjindur Mata ke negeri Sungai Ngiang telah disambut dengan meriah oleh Raja Muda, Puteri Bongsu dan segala rakyatnya. Segala kiriman daripada Bunda Kandung juga disampaikan kepada Raja Muda sebagai tanda persaudaraan. Tjindur Mata turut membantu menyediakan kelengkapan perkahwinan di antara Puteri Bongsu dan Imbang Jaya.

Untuk menyampaikan pesanan Dang Tuanku kepada Puteri Bongsu, Tjindur Mata telah membuat satu helah iaitu dengan mandi berulang-ulang kali dan beliau tidak mahu balik ke rumah. Perbuatannya yang aneh itu telah merungsingkan hati Raja Muda sehingga terpaksa dipanggil Puteri Bongsu untuk memujuknya. Dengan kedatangan Puteri Bongsu, Tjindur Mata pun menggunakan kesempatan tersebut untuk menyampaikan pesanan dari Dang Tuanku serta mengatur satu rancangan untuk membawa Puteri Bongsu pulang ke Pagar Ruyung pada malam hari perkahwinannya dengan Imbang Jaya.

Pada malam hari pernikahan di antara Puteri Bongsu dan Imbang Jaya diadakan, hujan telah turun dengan lebatnya disertai taufan dan angin kencang. Beberapa kejadian yang ganjil juga telah berlaku sehingga orang ramai lari bertempiaran. Dalam keadaan yang sedang huru-hara itu, Tjindur Mata dan Puteri Bongsu telah berjaya melarikan diri pulang ke Pagar Ruyung.

Kepulangan Tjindur Mata dan kedatangan Puteri Bongsu telah disambut dengan meriah oleh Besar Empat Balai dan segala rakyat. Puteri Bongsu telah ditinggalkan di bawah jagaan Tuan Kadhi di Padang Ganting kerana beliau sedang bertunangan dengan Dang Tuanku manakala Tjindur Mata pula berangkat pulang ke Pagar Ruyung dan

memberitahu akan kedatangan Puteri Bongsu kepada Bunda Kandung yang menyambut berita tersebut dengan rasa amat gembira.

Perbuatan Tjindur Mata membawa pulang Puteri Bongsu itu telah merunsingkan Bunda Kandung dan Besar Empat Balai kerana mereka khuatir Imbang Jaya akan datang mencari Puteri Bongsu. Bunda Kandung dan Besar Empat Balai bermuafakat untuk mencari hukum yang sesuai di atas kesalahan yang dilakukan oleh Tjindur Mata. Walaupun telah dilakukan beberapa kali musyawarah, namun hukuman yang sesuai belum juga ditemui. Bunda Kandung sendiri tidak dapat untuk menentukan hukuman di atas kesalahan Tjindur Mata itu.

Setelah gagal untuk memperolehi jalan penyelesaian ke atas masalah Tjindur Mata itu, Dang Tuanku kemudian memberikan pendapatnya. Beliau mengatakan bahawa perbuatan Tjindur Mata tidak membawa malu kepada sesiapa kerana Puteri Bongsu belum lagi menjadi isteri kepada Imbang Jaya. Sebaliknya Imbang Jaya yang memberi malu kerana merebut tunangan orang dan membuat fitnah bahawa Dang Tuanku mengidap penyakit tokak dan tekong serta telah dibuang negeri kerana bertujuan untuk mendapatkan Puteri Bongsu. Imbang Jaya juga telah mengupah orang-orang jahat supaya membunuh sesiapa sahaja yang melalui Bukit Tambuntulang dengan tujuan tidak akan ada orang yang membawa khabar tersebut ke Pagar Ruyung. Dang Tuanku menambah bahawa kedatangan Puteri Bongsu tidak dipaksa oleh sesiapa tetapi di atas kerelaan hatinya sendiri. Jika Raja Muda datang untuk mengambil Puteri Bongsu maka akan dikembalikan Puteri Bongsu kepadanya tetapi jika Imbang Jaya yang datang mencari Puteri Bongsu maka kehendaknya tidak akan dipenuhi kerana dia yang bersalah merebut tunangan orang.

Setelah menyedari akan kehilangan Puteri Bongsu maka Imbang Jaya merasa amat marah serta mengarahkan tentera-tenteranya supaya menyerang Pagar Ruyung untuk menebus malunya. Puteri Ranit Jintan iaitu adik kepada Imbang Jaya

mengesyorkan agar digunakan cermin api untuk membakar Pagar Ruyung. Dengan menggunakan cermin api tersebut, tentera-tentera Imbang Jaya telah membakar beberapa buah rumah di Sumpurkudus, Pagar Ruyung dan Pandang Ganting.

Melihat kejadian yang menimpa rakyatnya, Dang Tuanku dan Bunda Kandung lalu memerintahkan agar Tjindur Mata menentang tentera-tentera Imbang Jaya. Tjindur Mata kemudian berjaya memanah cermin api tersebut dan berjaya menewaskan tentera-tentera Imbang Jaya.

Kekalahan tentera-tenteranya di tangan Tjindur Mata menimbulkan kemarahan kepada Imbang Jaya. Beliau kemudian mengetuai bala tenteranya menyerang Pagar Ruyung. Bagaimanapun, pasukan tentera Imbang Jaya ini berjaya ditewaskan oleh Tjindur Mata dengan dibantu si Binuang. Imbang Jaya akhirnya berjaya dibunuh oleh Raja Dua Sila kerana enggan mematuhi larangan Raja Dua Sila dan Besar Empat Balai supaya tidak meneruskan hasratnya untuk menyerang Pagar Ruyung.

Kematian Imbang Jaya telah disampaikan kepada bapanya yang bernama Tiang Bungkuk. Tiang Bungkuk mengambil keputusan untuk menyerang Pagar Ruyung sebagai menuntut bela di atas kematian anaknya itu. Berita kedatangan Tiang Bungkuk dan bala tenteranya sampai kepengetahuan Bunda Kandung dan Dang Tuanku. Tiang Bungkuk merupakan seorang yang kebal dari sebarang senjata dan racun. Dang Tuanku memerintahkan Tjindur Mata menentang Tiang Bungkuk. Di dalam perlawanan di antara Tjindur Mata dan Tiang Bungkuk itu, Tjindur Mata telah mengaku kalah di atas kekuatan Tiang Bungkuk dan beliau bersedia untuk mengikut Tiang Bungkuk pulang ke Sungai Ngiang serta menjadi khadamnya. Tjindur Mata berbuat demikian semata-mata untuk mengetahui akan rahsia kekuatan Tiang Bungkuk. Tjindur Mata akhirnya mengetahui bahawa Tiang Bungkuk boleh dibunuh dengan menggunakan keris bongkok yang terletak di tiang bongkok istananya. Tiang Bungkuk kemudian berjaya dibunuh oleh Tjindur Mata.

Setelah berjaya membunuh Tiang Bungkuk, Tjindur Mata kemudian pulang ke Pagar Ruyung dan dinobatkan sebagai pemerintah di Pagar Ruyung menggantikan Sultan Rumandung.

Selepas peristiwa perlantikan Tjindur Mata sebagai pemerintah, berlaku suatu kejadian yang ganjil apabila terdapat sebuah kapal sedang belayar di atas langit lalu berhenti di hadapan istana. Dang Tuanku, Bunda Kandung dan Puteri Bongsu kemudiannya dibawa naik ke atas langit serta ditangisi oleh sekelian rakyat yang melihat kejadian tersebut.

Tjindur Mata kemudian mengahwini Puteri Reno Bulan di samping isterinya yang bernama Puteri Lenggo Geni. Tjindur Mata juga dilantik menjadi pemerintah di Sungai Ngiang sebagai menggantikan Tiang Bungkuk. Hiduplah mereka sekeluarga di dalam keadaan yang aman dan bahagia selama-lamanya.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN ASAS:

Sjamsuddin Sutan Radjo-Endah. *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kandung* Indonesia : C.V .Pustaka Bukit Tinggi, cetakan ketiga, tanpa tahun.

RUJUKAN UMUM

Abu Bakar Hamid, ed. *Diskusi Sastera Jilid I: Sastera Tradisi.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976.

Abrams,M.H. *A Glossary of Literary Terms.* New York : Holt, Rinehart & Winston, 1981.

Ali Ahmad. *Asas Menganalisa Cereka.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978.

Ann Jefferson dan David Robey, ed. *Teori Kesusasteraan Moden : Pengenalan Secara Perbandingan.* Kuala Lumpur : Dewan dan Pustaka 1988.

Cleanth Brooks dan Robert Penn Warren. *Understanding Fiction.* New Jersey : Prentice hall, 1970.

Eudora Welty, " Place in Fiction, " dalam Shiv Kumar dan Keith McKean, ed. *Critical Approaches to Fiction.* New York : McGaw- Hill Book Co., 1968

Faruk. *Strukturalisma Genetik (Teori General, Perkembangan Teori dan Metodenya).* Jakarta : Masyarakat Poetika Indonesia,1986.

H.Idrus Hakim Dt. Rajo Penghulu. *Pegangan Penghulu, Bundo Kanduang dan Pidato Alua Pasambahan Adat Di Minangkabau.* C.V .Bandumg : Penerbit Remadja Karya, 1984.

Hashim Awang. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975.

_____. *Cerpen-cerpen Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Analisis Tentang Tema dan Struktur.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.

Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional :Satu Perbicaraan Genre dan Fungsi.* Universiti Kebangsaan Malaysia : Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, 1981.

Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Pepatih.* Kuala Lumpur : Utusan Melayu (M) Bhd., 1976.

_____*Renungan* . Kuala Lumpur : Utusan Printcorp Sdn. Bhd., 1978.

Othman Putih. *Cerpen Melayu Selepas Perang Dunia Kedua : Satu Analisis Tentang Pemikiran Dan Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1983 .

Rene Wellek dan Austin Warren. *Theory Of Literature*. Harmondsworth : Penguins Books, 1970.

Richard Taylor . *Understanding The Elements Of Literature*. London: Macmillan, 1981.

Robert Scholes. *Structuralism In Literature*. London : Yale University Press, 1977.

S. Othman Kelantan. *Teknik Mengkaji Novel*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn. Bhd., 1985.

_____. *Kecenderungan Baru Dalam Novel Melayu: Satu Kajian Struktur*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka ,1987.

Shahnon Ahmad. *Gubahan Novel* . Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Sylvan Barnet, Morton Berman dan William Burto. *A Dictionary Of Literary Terms*. Boston : Little , Brown and Company, 1960 .

Teeuw, A. *Membaca dan Menilai Sastera* . Jakarta : Gramedia, 1983 .

Teuku Iskandar . *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970.

Terence Hawkes. *Structuralism and Semiotics*. London : Metheum and Co. Limited., 1978.

Wilbur Scott. *Five Approaches Of Literary Criticism*. London : Collier - Macmillan, 1962.

AKHBAR / MAJALAH / JURNAL:

Abdul Samad Idris, "Adat Bersendi Hukum," *Mingguan Malaysia/ Pancaindera*, 5 hb. Febuari 1989, h. 3.

Alis Murni, "Penglipurlara Melayu dan Kaba Minangkabau (Satu Perbandingan)," *Dewan Bahasa*, 13:1 (Jan. 1969),h. 35-36.

Edwar Djaramis. "Bahasa Melayu Minangkabau," *Dewan Bahasa*, Jilid 26 (1982), h. 346.

Ismail Hussein, "Malay Philology - Possible Contribution From Malaysia," *Review of Southern Asia Studies*, 1:3, (1971), h. 21.

Umar Junus, "Lingkaran Cerita Kaba," *Dewan Sastera*, 10:6 (Jun 1980), h. 54.

Mohd. Thani Ahmad, "Kesusasteraan dan Strukturnya : Satu Pendekatan," *Dewan Bahasa* (Nov. 1973), h. 503.

KERTASKERJA:

Irene Portis Winner, t. t., "The Semiotic Character Of The Aesthetic Function As Defined By The Prague Linguistic Circle."

Umar Junus, "Kaba dan Sistem Sosial Minangkabau: Satu Problema," kertaskerja Seminar Internasional Mengenai Kesusasteraan, Kemasyarakatan dan Kebudayaan Minangkabau, Bukit Tinggi, (Sept. 1980), h. 2-12

Navis, A. A., "Kaba : Cerita Rakyat Minangkabau," kertaskerja Pertemuan Sasterawan Nusantara III, Kuala Lumpur, (Dis. 1981), h. 12.

LAMPIRAN I

Bahagian pembukaan *Kaba Tjinduo Mato dan Bunda Kanduang*, berdasarkan naskhah asal kaba tersebut.

8

KALAPO NJIUK GADIANG

Kapa Ulando ba.pelak2,
Banjak teserak buah palo,
Nangkodoh Datuk Radjo Indomo,
Balabuah sandjo pukua anam.

Kaba lah lamo komah talatak,
Kini dilielak diulang pulo,
Maulang kadji nan lamo,
Mambangkik tarech nan tabanam.

Elok dikumpa udjung tali,
Buliah pangabek aka baha,
Aka diamblak kataruko.

Elok dikumpa udjuang ujanji,
Njanji talereng djadi kaba,
Kaba tjurito TJINDUA MATO.

OLAK olainjo maso itu lo diranah Tandjung Sungo; dalam Ustano Paga Rujuang Ustano Dauiat Bundo Kanduang Ustano gadang mahligai tinggi barandjuang perak andjuang suaso tampek sumajam Bundo Kanduang radjo usali turun tamurun bukan radjo dang mamintak bukan radjo dang babali samo tadjadi djo alam nangko.

Radjo badiri sadirinjo timbalan radjo Banua Ruhum timbalan radjo Banua Tjino timbalan radjo di lautan sapiah balahan ampek djurai mandjudjuang Mangkuto Kulah Kamar batatah intan mutiaro badjambua baameh mutu mamakai kain si Ganduo-ganduo dikambang saleba alam dibalun sabalun kuku

LAMPIRAN II

Bahagian akhir *Kaba Tjinduo Mato dan Bundo Kanduang*, berdasarkan naskhah asal kaba tersebut.

153

pado niniak mamak dari mamak ka panghulu tibo di-panghulu kapado lareh lareh nan duo luhak nan tigo partamo Lareh Koto Piliang lo ganggaman Datuak Parpatiah Datuak Parpatiah nan Sabatang ilu dipakai Tuan Titah lo Bandaharo Sungai Tarab nan kaduo Lareh Budi Tjaniago pegangan Datuak Katumanggungan gadangnjo balega pusako basalin sakali ala gadang sakali tapian baraiih buiek kato djo mupakaik tinggijo nan baandjuang gadangnjo nan baamba pusek djalo pum-punan ikan lo di Balairuang Pandjang didalam nagar Parlangan sadjadjaran Balang Sangkaweh - diateh Bari ngin nan Sonsang disanan banto nan barajun Sirangkak bakuku bilam disanan buajo putiah daguak sampa kini baitu djuo kalau anda tidak pitjajo bullah badjalan kini djuo io ka Parlangan Padang Pandjang baolah kumajan putiah baka kumajan tibo disanan sarulah apo nan katudju kalau anda handak maliek handak pa badjalan-djalan baolah foto nan sabuah untuak djad kanang-kanangan disanan turun njinjlak kito' njinjlak mojang rang Minang Kabau.

Dimano asa api palito
lo dipandan nan baduri
Dimano asa niniak kito
lo dikakl Gunuang Marapi.

Rami kampuang rang Sumanlak
Rami dianak urang Gurun
Rami nan sampai langah hari.

Talantuang karano naik
Ralantak bagageh turun
Maaf djo reda panjudahi.

T A M M A T